

PRINSIP STILISTIK J.J. WEBBER (1989) DALAM NOVEL *RUMAH KUPU-KUPU* S.M. ZAKIR

NIK NURUL NAJAA BT MOHD YASIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
P142689@siswa.ukm.edu.my

MAS RYNNA WATI AHMAD*
Universiti Kebangsaan Malaysia
masryнна@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis prinsip stilistik J.J. Webber (1989) yang terdapat dalam novel *Rumah Kupu-Kupu* (2020) karya S.M Zakir. Pemilihan prinsip stilistik J.J. Webber (1989) dilihat sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana prinsip tersebut mementingkan keindahan gaya bahasa yang melahirkan sebuah karya kreatif yang menarik dan bernilai untuk masyarakat. Stilistik merupakan sebuah cabang ilmu yang mengkaji keindahan bahasa dalam karya sastera dengan meneliti ciri-ciri linguistik dan gaya penulisan. Ia menggabungkan aspek linguistik dan sastera, serta memberikan tumpuan kepada penggunaan bahasa yang kreatif dan berkesan. Berdasarkan analisis stilistik, pelbagai elemen seperti fonologi, diksi, struktur ayat, dan semantik dapat diperhalusi untuk memahami makna dan impak estetik sesebuah karya. Walaupun terdapat enam prinsip stilistik oleh J.J. Webber namun, kajian ini akan menumpukan hanya kepada tiga prinsip sahaja iaitu analisis prinsip kajian terhadap makna atau semantik, analisis prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur serta analisis prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik. Adalah diharapkan kajian stilistik ini dapat memartabatkan bidang stilistik sebagai komponen penting dalam dunia sastera Melayu. Bidang stilistik bukan sahaja menyerlahkan keindahan bahasa, tetapi juga menambahkan penghayatan dan pemahaman masyarakat terhadap karya sastera. Secara keseluruhannya, prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang diterapkan dalam novel *Rumah Kupu-Kupu* memperlihatkan keindahan bahasa yang unik dalam penciptaan karya sastera oleh penulis serta menonjolkan sisi yang berlainan seperti keindahan bahasanya supaya menjadi pemangkin dalam membentuk sahsiah dalam kalangan pembaca secara meluas.

Kata kunci: Stilistik, J.J. Webber, novel, *Rumah Kupu-Kupu*, karya sastera

ABSTRACT

The study aims to analyse the stylistic principles of J.J. Webber (1989) found in the novel *Rumah Kupu-Kupu* (2020) by S.M Zakir through the lens of stylistic principles by J.J. Webber (1989). It is an appropriate technique because the principle emphasizes the beauty of the style of language that produces a creative work that is interesting and valuable to society. It is a combination of linguistic and literary aspects, focusing on the creative and effective use of language. Based on the stylistic analysis, various elements such as phonology, diction, sentence

structure, and semantics can be refined to understand the meaning and aesthetic impact of a work. This study was carried out by text based analysis, in which close reading of the focussed novel was carried out. Although there are six stylistic principles were introduced by J.J. Webber, however, this study will only analyse three principles, which are the analysis of the study principle on meaning of semantics, the principle of evaluation on sentence structure and the principle on the elements of dramatic language. It is a hope that this study will highlight the significance of stylistic as a branch study that would able to bring Malay literary texts to be well received and appreciated. The application of this approach will not only reveal the unique styles owned by SM Zakir, but also gives a different perspective of the novel to the readers in general.

Keywords: Stylistics, J.J. Webber, novel, *Rumah Kupu-Kupu*, literature

PENGENALAN

Stilistik merupakan perkataan yang berasal daripada Bahasa Inggeris iaitu 'style' dan 'linguistic' serta kajian stilistik digunakan untuk mengkaji karya sastera menggunakan batasan linguistik. Dalam *Kamus Istilah Sastera* (1990:145), maksud stilistik iaitu ilmu kebahasaan yang mempelajari tentang gaya bahasa. Stilistik juga merupakan teori sastera barat yang berfokuskan penggunaan bahasa yang bertujuan untuk menunjukkan keberhasilan seseorang pengarang mengolah bahasa yang simbolik dan mempunyai unsur-unsur estetika. Mohd Affandi Hassan (2021:51) telah mengambil petikan Muhammad Haji Salleh "*Mencari Sebuah Teori Sastera*" semua yang kita pelajari daripada luar harus diteruskan, tetapi untuk situasi kita yang khusus semua pelajaran ini harus disaring supaya pembinaan teori-teori yang berhubungan dengan sastera kita sendiri dapat dibantu. Selanjutnya Ubaidillah (2023:1) dalam sebuah karya ilmiah, menyatakan peneliti membutuhkan dan harus menggunakan teori untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan ilmiah dalam penelitiannya, yang biasa disebut dengan landasan teori.

Sebelum adanya stilistik untuk menganalisis karya sastera dan bahasa, kajian gaya telah digunakan dan stilistik merupakan ilmu yang masih baru serta kedudukannya yang kurang stabil menyebabkan kesedaran mengenainya masih kurang. Antara faktor yang menyebabkan perkembangannya lambat ialah perhatian terhadap gaya muncul pada orang hidup di dunia sastera dan menyedari pemakaian bahasa karya-karya tidak sama daripada bahasa harian yang diguna oleh masyarakat. Seterusnya keinginan menyimpulkan gaya terhadap bahasa yang indah dengan mengaitkan gaya dengan 'Keindahan'. Kemunculan stilistik dapat dilihat setelah adanya perubahan besar di dalam perkembangan linguistik mahupun kajian karya sastera. Menurut Zahril Nizam et.al. (2020), gaya bahasa yang diimplimentasikan dalam karya sastera ini lahir daripada pengalaman dan kecekapan fikiran dalam berbahasa pengarang yang dipancarkan melalui saluran penulisan kepada pembaca. Keunikan gaya bahasa yang terdapat dalam karya sastera sememangnya berkait rapat dengan penelitian stilistik kerana stilistik mengkaji keindahan bahasa dengan lebih mendalam terhadap sesuatu karya mengenai kesusasteraan. Akbar Amran (2023:200) menyatakan bahawa stilistik memainkan peranan penting dalam bidang bahasa sebagai kaedah untuk memahami makna yang terkandung di dalam sesebuah karya

Stilistik juga adalah kajian bagi karya yang menekankan aspek bagaimana untuk menghasilkan karya dengan lebih baik dan cara mengeksploitasi bahasa dengan sebaik-baiknya. Terdapat juga tokoh-tokoh yang memberikan pandangan mereka tentang stilistik seperti Antilan Purba (2009:145), menurutnya stilistik atau stylistik adalah dua kata iaitu "style" iaitu gaya dan "linguistic" yang bermakna tatabahasa dan berkaitan dengan gaya bahasa. Berdasarkan pandangan Keris Mas (1988:8) pula, stilistik memberikan pengertian tentang stilistik iaitu

mengkaji kemungkinan gaya kesusasteraan untuk menilai serta memperoleh kefahaman tentang teks kesusasteraan. Hasil sastera yang diperhatikan atau diberi kajian khusus disebabkan timbulnya kelainan gaya bahasa, baik gaya individu mahupun implikasi lain. Umar Junus (1989:145), pula mengatakan stilistik adalah penggunaannya dalam karya sastera, tetapi kemunculannya dapat dilihat dalam bidang kajian linguistik. Tambahnya lagi stilistik adalah gabungan ilmu linguistik dan ilmu sastera. Mana Sikana (1998: 195) pula berpendapat pendekatan stilistik mengutamakan penghakiman yang khusus terhadap aplikasi bahasa. Dari aspek bahasa, pembahasan dan gaya, pembicaraan menyusuri komponen-komponen yang menjadi struktur sesebuah ayat. Bagi Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim (2023) stilistik melihat unsur apa yang banyak digunakan, unsur yang sesuai dengan karya dan cara unsur tersebut dicerap dalam karya. Kekuatan dan keindahan sesebuah karya sastera banyak bergantung eksploitasi bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatik.

Stilistik bertujuan melihat pengarang mengolah bahasa untuk penerapan karya kreatif seperti imaginatif, figuratif, simbolik dan mempunyai unsur estetika. Crystal (1985: 107), menjelaskan stilistik bermaksud gaya bahasa yang menunjukkan jenis kaedah kajian linguistik tertentu ketika bahasa digunakan dalam ucapan masyarakat contohnya bahasa sains, undang-undang, debat, sastera, agama dan bahasa yang digunakan bagi kelas sosial yang berbeza. Kajian stilistik juga ialah kajian mengenai kelainan bahasa yang mempunyai bentuk gaya bahasa seperti pengulangan, perbandingan, pertentangan, perpautan dan penyirnaan begitu juga dengan peribahasa, sindiran dan gaya retorik. Pada pandangan Farhana Muslim Mohd Jalis, Syasya Afifah Jusni & Salmah Jan Noor Muhammad (2023) gaya bahasa adalah salah satu cara untuk mengungkapkan bahasa atau karya-karya yang indah melalui penulisan dan pemikiran. Pemakaian bahasa yang termasuk dalam bidang linguistik seperti fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis. Pengertian stilistik merupakan bahagian daripada linguistik yang menumpukan perhatian terhadap variasi penggunaan bahasa khususnya dalam bidang kesusasteraan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis terhadap kandungan teks kajian. Teori Stilistik J.J Weber (1989) telah dipilih kerana mampu menyerlahkan keindahan bahasa dan nilai sastera Melayu melalui pelbagai gaya bahasa yang digunakan. Dalam novel *Rumah Kupu-Kupu*, kita dapat mengenal pasti beberapa teknik dan elemen gaya bahasa yang digunakan oleh penulis untuk menyampaikan mesej dan menghasilkan karya yang indah. Terdapat enam prinsip teori Stilistik J.J Webber (1989) iaitu prinsip fonologi, prinsip pemilihan diksi, prinsip penilaian pembentukan struktur ayat, prinsip kajian terhadap makna atau semantik, prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik dan prinsip gaya individualisme. Namun begitu, daripada enam prinsip teori stilistik J.J Webber (1989) penulisan ini hanya akan memfokuskan kepada tiga sahaja iaitu prinsip kajian makna atau semantik, prinsip penilaian pembentukan struktur ayat dan prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik sebagai asas kajian. Ketiga-tiga prinsip stilistik yang dinyatakan oleh J.J Webber akan dikaji sebaiknya untuk menganalisis keindahan bahasa memperlihatkan bagaimana teori Stilistik J.J Webber (1989) dapat diaplikasikan melalui novel *Rumah Kupu-Kupu*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji elemen gaya bahasa stilistik yang terdapat dalam novel *Rumah Kupu-Kupu* karya S.M Zakir yang diterbitkan pada tahun 2020. Antara permasalahan

utama yang terkandung dalam kajian ini ialah gaya stilistik makna dan semantik (denotatif dan konotatif), gaya stilistik bahasa dramatik, gaya bahasa seperti personifikasi, simile, perbandingan dan unsur metafora yang masih kurang dikaji dalam novel-novel Melayu moden. Walaupun Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dilihat lebih terarah kepada bidang linguistik namun ia masih boleh disesuaikan untuk menganalisis teks-teks sastra kerana teori ini dapat mengkaji penggunaan bahasa dan pemaknaan yang lebih rinci terutamanya dalam kajian teks novel atau cerpen.

Di samping itu, bidang stilistik sememangnya harus diberi penekanan kerana bidang ini menjadi asas utama dalam menghasilkan sesuatu karya yang baik. Selaras dengan permasalahan yang dinyatakan, kajian ini akan menjalankan analisis menggunakan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) berdasarkan novel *Rumah Kupu-Kupu* bagi menguatkan lagi bukti atau kebenaran pengaplikasian teori terhadap novel tersebut agar lebih sahih dan tepat pemaknaan yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada khalayak pembaca umum. Prinsip Stilistik dalam novel ini sangat relevan untuk mengkaji tentang bahasa, terutama dalam aspek tersurat dan tersirat, watak perwatakan dan gaya penulisan S.M. Zakir. Melalui pendekatan ini, analisis lebih mendalam dapat dibuat terhadap keindahan atau kesenian bahasa yang disampaikan oleh S.M. Zakir sebagai pengarang dalam menyampaikan naratifnya.

PENGARANG DAN KEPENGARANGAN

Kajian ini menggunakan sebuah karya novel bertajuk *Rumah Kupu-Kupu* yang diselenggarakan oleh S.M. Zakir terbitan tahun 2020. S.M. Zakir atau nama sebenarnya Syed Mohd Zakir Syed Othman dilahirkan pada 4 Februari 1969 di Kota Bharu Kelantan. Beliau merupakan anak kepada Sasterawan Negara Malaysia iaitu Syed Othman Bin Syed Omar atau lebih dikenali S Othman. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra Kota Bharu dan Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Penang Free School, Pulau Pinang, Sekolah Menengah Bandar Baru Bangi dan menamatkan zaman persekolahan di Sekolah Menengah Tinggi Kajang. Beliau juga berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Teknologi Mara dan Institute of Commercial Management, Bournemouth, England. Beliau mula berkecimpung dalam dunia penulisan pada tahun 1990 sehingga sekarang masih aktif dalam menulis dan karya beliau merangkumi pelbagai genre seperti cerpen, sajak, esei dan novel serta disiarkan di Majalah *Dewan Sastra*, *Dewan Budaya*, *Dewan Siswa*, *Dewan Bahasa*, *Berita Harian*, *Utusan Melayu*, *Mingguan Malaysia* dan pelbagai akhbar serta majalah. Antara anugerah-anugerah yang diterimanya ialah Sasterawan Muda MASTERA 2010 Jakarta, Indonesia, S.E.A Write Award 2011, Hadiah Sastra Utusan-Public Bank, Hadiah Sastra DBP-Public Bank, Hadiah Sastra Utusan-Exxon Mobil, Hadiah Formula Sastra, Anugerah Sastra Negeri Kelantan, Hadiah Sastra 100 Tahun Kuala Lumpur DBP-DBKL dan Anugerah Kritikan Filem Oleh GAPIM. Pada tahun 2023, S.M Zakir juga pernah memenangi Anugerah Sasterawan Kelantan sempena Anugerah Bitara Bahasa dan Sastra Kelantan 2023 di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan, Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Beliau juga sering menghasilkan karya-karya yang berkualiti dan menyentuh seluruh aspek seperti novel *Ahli Politik*, *Rumah Kupu-Kupu*, *Rumah Yang Tumbuh dari Bukit*, cerpen *20 Cerita Tentang Tuhan*, puisi *Perjalanan Sang Zaman* dan banyak lagi hasil karya beliau yang menarik.

Kejayaan yang diperolehi oleh beliau telah membuktikan kredibilitinya dalam bidang sastra sama ada dalam penulisan kreatif atau bukan kreatif kerana selain dilihat mahir dalam bidang penulisan kreatif seperti novel, cerpen dan puisi tetapi S.M Zakir juga mula bergiat dalam bidang kritikan iaitu kritikan tentang filem, teater dan budaya. Contohnya *Sinema* dan *Filem dan Pemikiran*. Kehebatannya juga dilihat kerana S.M Zakir juga adalah seorang yang berfikir kritis

dan peka terhadap isu-isu semasa timbul dan tema atau persoalan yang disajikan dalam karyanya tidak hanya berada dalam lingkungan yang sama. Perkara tersebut dapat dilihat melalui salah satu karya novelnya iaitu *Rumah Kupu-Kupu*. Berdasarkan pemerhatian S.M. Zakir, isu penting yang disentuh oleh beliau adalah sikap individualistik yang wujud dalam kalangan masyarakat sehingga kini harus dibuang. Tambah pula, pada zaman yang serba moden dan canggih sesetengah masyarakat lebih gemar membawa haluan masing-masing dan tidak saling bertegur sapa. Sindiran ini, menunjukkan kekuatan pemikirannya yang intelektual dan kreatif telah membuahkan pemikiran beliau yang tajam berserta kecantikan bahasanya.

SKOP KAJIAN

Novel *Rumah Kupu-Kupu* karya S.M Zakir terbitan Nusa Center pada tahun 2020 telah dipilih sebagai kajian kerana S.M. Zakir sering menggunakan gaya bahasa yang tinggi dan unik dalam menghasilkan sesuatu karya sehinggakan berjaya menarik minat pembaca. Beliau turut menzahirkan pemikiran beliau berkaitan dengan isu-isu masyarakat untuk dijadikan perkara pokok dalam penulisan beliau. Seterusnya kajian novel *Rumah Kupu-Kupu* menggunakan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dilihat masih kurang diaplikasi oleh pengkaji tempatan. Novel *Rumah Kupu-Kupu* mempunyai sebanyak 176 halaman dan dibahagikan kepada 10 bab. Novel *Rumah Kupu-Kupu* akan dianalisis dengan menggunakan prinsip stilistik. Dalam hal ini, kritikan menjadi sebuah kajian, penilaian dan tafsiran terhadap sesuatu karya sastera untuk memastikan penulis menulis dengan gaya yang tepat agar sesuatu karya yang dihasilkan lebih berkualiti. Kritikan sastera diambil berdasarkan pandangan beberapa tokoh yang kemudian melahirkan teori-teori tertentu dalam memberi sesuatu kritikan terhadap karya sastera seperti teori stilistik yang memberi penekanan terhadap gaya bahasa agar sesuatu karya yang dihasilkan menjadi hebat dan memberi manfaat kepada pembaca. Secara keseluruhannya, bidang kritikan sastera juga telah melalui beberapa tahap perkembangan seperti tahap sebelum perang dunia II, tahap sebelum kemerdekaan, zaman kemerdekaan, modenisme dan pascamodenisme.

Dalam Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) telah mengemukakan enam prinsip iaitu prinsip fonologi, prinsip pemilihan diksi, prinsip penilaian pembentukan struktur ayat, prinsip kajian terhadap makna atau semantik, prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik dan prinsip gaya individualisme. Namun kajian ini akan menggunakan tiga prinsip iaitu prinsip kajian makna atau semantik, prinsip penilaian pembentukan struktur ayat dan prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik. Ketiga-tiga prinsip ini akan digunakan untuk menganalisis elemen watak dan perwatakan serta struktur ayat dan diksi yang terdapat dalam novel. Pemilihan tiga prinsip tersebut dilihat sesuai kerana prinsip-prinsip ini dapat dikaitkan dengan bidang sastera dan keindahan bahasa serta kepengarangan yang ditonjolkan oleh S.M. Zakir dapat dilihat dengan jelas walaupun hanya menggunakan dua prinsip tersebut. Struktur ayat oleh pengarang S.M. Zakir yang mempunyai makna dan stail yang menarik termasuk penggunaan bahasa dan susunan plot yang menarik selain memiliki kepengarangan tersendiri yang membuktikan beliau sebagai pengarang yang tersohor tanahair.

SINOPSIS NOVEL *RUMAH KUPU-KUPU*

Novel *Rumah Kupu-Kupu* menceritakan tentang watak utama, yang dikenali sebagai 'dia', memperkenalkan latar tempat iaitu sebuah apartmen dan menggunakan kupu-kupu sebagai simbol kehidupan masyarakat. Kupu-kupu adalah sejenis serangga simbolik yang menggambarkan kehidupan masyarakat yang sibuk dengan urusan dunia mereka, seperti kupu-

kupu yang terkurung dalam kepompong dan hanya bebas apabila waktunya tiba. Ini mencerminkan penduduk kota yang hidup secara terasing, tidak bertegur sapa walaupun sering berselisih.

Novel ini mengisahkan Mustafa Ilham, seorang penulis sastera yang bergantung kepada tulisan untuk menyara keluarganya. Namun, dia menghadapi dilema kerana masyarakat lebih gemar program hiburan yang ringan berbanding karya yang memerlukan pemikiran mendalam. Mustafa yang sensitif merasa terhina dengan kata-kata isterinya sehingga mengurung diri dan terus menulis. Penulis juga menegur sikap individualistik dalam masyarakat, seperti seorang pemuda yang tidak peduli dengan keadaan sekeliling, hanya fokus pada laptop tanpa berinteraksi dengan orang lain, walaupun mereka berjiran. Terdapat unsur dongeng dan fantasi dalam cerita, seperti watak 'dia' yang berjumpa duyung di kolam mandi dan mengalami kejadian aneh dengan lif yang membawa 'dia' ke atas awan, menggambarkan hubungan antara realiti dan fantasi. Kejadian ini dikaitkan dengan cerita dongeng, seperti kisah Jack dan pokok kacang gergasi. Watak 'dia' juga merasa seperti berada dalam gua setelah lif turun melepasi aras G. Akhirnya, watak 'dia' merasa bersalah kerana tidak pernah menunaikan solat di surau apartmen yang jarang digunakan oleh penghuni, kecuali ketika bulan puasa. Setelah mengambil keputusan untuk solat di surau, watak utama merasa nyaman dan menemui kembali hubungan spiritual dengan Tuhan.

TEORI STILISTIK

Kajian ini memfokuskan kepada Teori Stilistik J.J Weber (1989), yang merupakan salah satu pendekatan dalam menganalisis gaya bahasa. Teori Stilistik J.J. Weber (1989) terkandung dalam buku beliau bertajuk *The Stylistic Reader* digunakan sebagai kerangka teori utama dalam kajian ini dan sebanyak enam prinsip kajian stilistik dikemukakan oleh beliau.

Antara prinsip Stilistik J.J Weber (1989) termasuklah prinsip fonologi. Menurut J.J. Weber (1989: 57), fonologi menekankan kesatuan dalam kajian bunyi seperti pengulangan awal kata, akhir kata dan di bahagian tengah. Terdapat tiga sistem yang utama iaitu fonologi, tatabahasa dan semantik. Fonologi adalah satu cabang kajian bahasa yang menumpukan kepada aspek bunyi bahasa secara umum serta fungsi bahasa dalam sesuatu bahasa tertentu. Fonologi juga merupakan perbezaan makna yang disebabkan suara. Fonologi mempunyai dua cabang iaitu fonetik dan fonemik dan ahli bahasa yang pakar dalam fonologi dipanggil ahli patologi. Komponen utama yang terdapat dalam tatabahasa ialah morfologi iaitu bidang mengkaji morfem dan kata kemudian sintaksis bidang yang mengkaji frasa, klausa dan ayat. Prinsip fonologi ataupun penggunaan bunyi ialah untuk menunjukkan taburan penggunaan bunyi untuk meneliti aspek asonansi, aliterasi, rima dan sebagainya. Namun, dalam kajian ini, prinsip fonologi tidak akan dianalisis secara mendalam dalam dapatan kajian kerana prinsip ini lebih menekankan kepada konsep taburan bunyi. Kesan estetika dapat dilihat berdasarkan kerapannya penggunaan bunyi yang dinyatakan dan kelainan atau variasi dalam penggunaannya dapat dilihat dalam stilistik.

Selain itu, teori yang dicadangkan Webber (1989) juga menyatakan prinsip pemilihan diksi. Pemilihan diksi bukan hanya pemilihan dan penggunaan perkataan tepat tetapi juga berkesan untuk memberitahu idea secara bertulis atau lisan. Hasil pemilihan diksi yang tepat dapat menentukan keberkesanan atau kualiti sesuatu karya yang dihasilkan oleh penulis kepada pembaca dan karya-karya yang dihasilkan dapat meninggalkan kesan kepada pembaca. Diksi atau turut dikenali sebagai 'pemilihan kata' boleh dimaksudkan sebagai pemilihan atau penyusunan yang mementingkan ketepatan, tekanan dan keistimewaan yang terdapat puisi. Penggunaan diksi atau pemilihan kata-kata atau leksikal yang bersesuaian oleh penulis untuk menimbulkan kesan terhadap karya novel yang dihasilkan. Secara keseluruhannya, setiap karya

yang dihasilkan tentunya menggunakan perkataan-perkataan yang menarik dan sesuai dengan temanya. Prinsip pemilihan diksi yang bertujuan untuk menyampaikan sesuatu dengan sesuatu maksud tertentu dengan lebih berkesan kepada pembaca novel tersebut.

Prinsip penilaian pembentukan struktur ayat pula merujuk kepada J.J. Webber (1989: 60) yang menyatakan bahawa cara sesuatu ayat dibentuk dalam sesebuah karya akan diterjemahkan melalui strukturnya. Prinsip ini melibatkan kajian terhadap cara pengarang membina ayat dalam sesebuah teks, yang boleh memberi kesan yang mendalam terhadap makna, nada, dan tujuan teks tersebut. Pembentukan ayat tidak hanya merujuk kepada panjang atau ringkasnya ayat, tetapi juga bagaimana struktur ayat itu menyampaikan mesej secara berkesan dan ayat yang dihasilkan juga akan lebih cantik atau realistik bagi khalayak ramai.

Seterusnya, prinsip kajian terhadap makna atau semantik. Menurut Webber (1989: 67) dalam stilistik, makna adalah elemen yang sangat penting untuk difahami dan makna yang diterjemahkan perlu merangkumi kedua-dua aspek konotatif dan denotatif. Analisis teks melalui perspektif gaya bahasa dan makna, dengan penekanan pada pemahaman mendalam tentang bagaimana elemen-elemen linguistik (seperti struktur, pilihan kata, dan gaya) berinteraksi untuk menyampaikan makna. Prinsip ini juga melibatkan analisis terhadap semantik iaitu tentang makna dalam bahasa, yang menyoroti bagaimana erti dapat terbentuk dan dipengaruhi oleh konteks dan bentuk bahasa yang digunakan. Dalam hal ini, makna dapat bersifat lebih kompleks atau memiliki interpretasi yang beragam berdasarkan bagaimana teks tersebut dibangun.

Selanjutnya, prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik. Menurut J.J. Webber (1989: 75) bahasa dramatik boleh dikelaskan sebagai suatu bahasa yang memiliki gaya. Webber (1989: 76) juga menyatakan bahawa bahasa dramatik penting dalam stilistik kerana ia berfungsi untuk menimbulkan kesan imaginatif terhadap pembaca. Unsur-unsur bahasa dramatik memainkan peranan yang sangat penting dalam menciptakan pengalaman estetik dan emosional bagi pembaca atau penonton. Gaya bahasa yang digunakan dalam karya dramatik tidak hanya bertujuan untuk menyampaikan dialog, tetapi juga untuk memperkukuh tema, membentuk karakter, dan menciptakan atmosfer yang sesuai dengan konteks dan perkembangan cerita. Dengan demikian, bahasa dramatik bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga merupakan medium untuk menghasilkan kesan yang lebih mendalam dan menghubungkan pembaca atau penonton dengan dunia yang digambarkan dalam drama.

Dan, yang terakhir ialah prinsip gaya individualisme. Prinsip gaya individualisme bermaksud gaya penulisan peribadi seseorang penulis. Setiap penulis sudah pasti mempunyai cara mereka tersendiri dalam menyampaikan karya dengan berkesan kepada pembaca. Menurut Umar Junus (1989:21), individualisme dikaitkan dengan gaya sebagai serangkaian ciri peribadi yang dilihat melalui pemakaian bahasa seseorang. Tambah Webber lagi, (1989:72) gaya individualisme akan mudah dikenal pasti dengan menunjukkan hasil karya penulis itu dan mengatakan ini adalah gaya penulis itu sendiri kerana tidak dipunyai atau ditiru oleh penulis lain serta mementingkan estetika bahasa yang ditonjolkan oleh penulis.

ANALISIS RUMAH KUPU KUPU

Setiap karya sastera seperti novel *Rumah Kupu-Kupu* pasti mempunyai watak dan perwatakannya yang tersendiri. Watak dan perwatakan merupakan satu komponen yang sangat penting dalam sebuah novel. Hal ini berlaku kerana watak perwatakan mampu menggambarkan dan memperlihatkan peranannya secara jelas iaitu sesuatu peristiwa berlaku dan menghidupkan jalan cerita yang hendak disampaikan oleh penulis. Peranan, susunan dan gambaran watak perwatakan perlu diberi penekanan, kerana tanpa watak perwatakan yang jelas akan mencacatkan gerakan plot dan menjejaskan idea yang ingin disampaikan oleh penulis. Ungku

Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2020:452) menjelaskan watak dan perwatakan merupakan antara elemen terpenting dalam pembangunan sesebuah kisah. Elemen tersebut diperlukan untuk pelbagai fungsi daripada yang sangat asas kepada yang fundamental seperti memastikan majunya cerita ke depan, menentukan hala tuju, menghadirkan aksi untuk membangunkan peristiwa, mencorakkan reaksi khalayak, mendukung dan mentafsir idea, fikiran atau gagasan, menegakkan keyakinan, kebenaran serta nilai luhur, dan sebagainya. Sering diujahkan bahawa dalam sejarah perkembangan naratif sebagai bentuk pengkaryaan, elemen plot yang pernah satu ketika dulu menjadi tonggak sesebuah kisah kini diganti oleh elemen watak dan perwatakan.

Watak dan perwatakan merupakan pelaku dalam menggerakkan jalan cerita dalam sebuah karya. Kebiasaannya watak yang dihasilkan berfungsi untuk menyokong idea pokok dan mengembangkan idea penulis. Terdapat beberapa jenis watak yang boleh digolongkan iaitu watak utama dan watak sampingan. Watak juga boleh terdiri daripada pelbagai jenis seperti manusia biasa, binatang, benda mahupun makhluk ghaib. Watak dapat dinilai melalui jenis watak itu sendiri sama ada merupakan watak protagonis iaitu mempunyai sifat-sifat yang baik ataupun watak antagonis adalah watak yang konflik dan melawan watak protagonis serta merangkumi rupa tubuh badan watak itu sendiri. Perwatakan pula dapat dilihat melalui perlakuan dan pemikiran yang sering dibawa oleh seseorang watak. Penulisan ini hanya memfokuskan satu watak sahaja iaitu Mustafa Ilham sebagai watak utama di dalam novel ini. Pemilihan watak Mustafa Ilham sebagai watak utama dilihat sangat sesuai untuk ditonjolkan kerana penulis lebih memfokuskan perkembangan dan perasaan watak utama ini berbanding watak sampingan yang hanya digambarkan secara ringkas. Bukan itu sahaja, watak utama juga lebih banyak memerihalkan penggunaan Bahasa yang saling berkaitan dengan kajian stilistik. Analisis juga bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana SM Zakir mengutarakan makna atau semantik dan penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis melalui watak dan perwatakan watak utama dalam novel yang ingin difokuskan.

Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik

Kajian makna atau semantik bermaksud penggunaan bahasa dimulakan dengan taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat kerana bertujuan untuk mendapatkan makna yang jelas dan merujuk kepada aspek makna secara tersurat dan tersirat. Prinsip stilistik ini juga menekankan kepentingan makna agar mudah difahami kerana meliputi denotatif (merujuk kepada makna asal atau makna sebenar) ataupun konotatif (merujuk kepada makna lain yang ditambah berdasarkan perasaan atau nilai orang yang menggunakannya). Mengikut Umaimah Kamarulzaman et. al. (2023) menjelaskan pemilihan leksis-leksis tertentu ketika berbahasa boleh menjelaskan nilai linguistik yang digunakan oleh seseorang penuturnya sama ada boleh membawa konotasi yang positif atau sebaliknya. Penggunaan bahasa juga haruslah selaras dan sesuai dengan teknik dan tema bagi sesuatu karya yang dikaji agar makna yang disampaikan dapat diterjemahkan dengan tepat dan sesuai dengan tujuan penulisannya. Prinsip ini mempunyai penggunaan frasa yang menarik yang digunakan oleh penulis untuk menghasilkan sebuah novel yang menarik dan memberi kesan kepada pembaca kerana adanya aspek deviasi dalam makna yang bervariasi subjek kepada interpretasi pembaca secara umum.

Novel Rumah Kupu-Kupu telah mengandungi prinsip kajian terhadap makna atau semantik yang bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud tertentu dengan lebih berkesan kepada pembaca novel tersebut. Contoh prinsip kajian terhadap makna dan semantik dapat dilihat melalui petikan novel tersebut:

Sejak itu dia kembali sibuk kerja-kerjanya, dan Mustafa mungkin **tenggelam** menuliskan cerita baharunya. Perlahan-lahan nama Mustafa mengecil hilang daripada fikirannya. Kehidupan di kotak batu gergasi ini berjalan seperti biasa, berputar seperti filem bisu yang hanya menayangkan imej dan gerakan tanpa suara.

(S.M Zakir, 2020: 37)

Prinsip kajian terhadap makna dan semantik berdasarkan petikan dalam novel tersebut menerusi watak utama iaitu Mustafa terdapat penggunaan perkataan **tenggelam**. Perkataan **tenggelam** bermaksud masuk terbenam ke dalam air atau masuk air dan karam termasuk juga lemas. Pemilihan perkataan ‘tenggelam’ dalam novel tersebut jelas menggambarkan tentang watak Mustafa yang bekerja sebagai penulis yang asyik atau leka menyiapkan cerita beliau yang baharu dan beliau seperti hanyut dalam dunia beliau sendiri. Penulis juga ingin memberikan gambaran tentang kerjaya sebagai penulis yang sentiasa sibuk dengan kerja-kerjanya dan sentiasa menulis bagi menghasilkan karya-karya baharu.

Berikut, penulis menggunakan perkataan ‘melapangkan’. Ini dapat dilihat dalam contoh petikan di bawah,

Dia mahu berehat dan menghirup udara malam yang nyaman malam mini. **Melapangkan** otaknya yang sekian lama terperap masuk di dalam komputer. Juga melegakan urat dan saraf tubuhnya yang sekian lama pegun beku di kerusi kerjanya.

(S.M Zakir, 2020: 99)

Berdasarkan halaman 99, penggunaan perkataan yang diambil ialah **melapangkan**. Perkataan ‘melapangkan’ bermaksud menjadikan lapang, melebarkan dan meluaskan. Perkataan ini biasanya digunakan untuk kawasan, jalan atau perkataan ‘melapangkan’ juga boleh dikaitkan dengan masa. Namun, dalam contoh petikan novel tersebut, perkataan ‘melapangkan’ ialah mengosongkan fikiran setelah lama tekun bekerja menggunakan komputer dan merehatkan minda. Perkataan melapangkan amat sesuai digunakan kerana penulis ingin menunjukkan kegigihan watak utama iaitu ‘dia’ yang komited terhadap kerjanya sehingga berkerja sehingga lewat malam. Juga, memperlihatkan, watak utama ini adalah seprang yang menyukai suasana tenang dan nyaman untuk menyiapkan tugasannya. Bukan itu sahaja, di sini juga melambangkan watak utama juga seorang yang introvert; iaitu seseorang yang suka menyendiri kerana beliau menyukai suasana yang lapang tanpa diganggu orang lain dalam persekitaraan beliau. Keadaan yang lapang itu, bagi memberikan ruang yang luas dan nyaman untuk beliau berkarya tanpa batas waktu dan ruang serta gangguan dari persekitaraan.

Selain itu, contoh penggunaan diksi yang boleh kita lihat penggunaan perkataan lumpuh. Ini dapat diteliti dalam perenggan,

Tanpa mempedulikan apakah karyanya akan dibeli dan dibaca oleh masyarakat yang **lumpuh** minat terhadap daya fikiran mereka. Mustafa tetap menulis dan mengeluarkan novel-novel sastera yang indah dan tinggi pemikirannya.

(S.M Zakir, 2020: 31)

Melalui petikan novel tersebut, jelas menunjukkan bahawa penulis ingin menunjukkan cabaran-cabaran yang terpaksa dilalui oleh seorang penulis sepenuh masa bagi menghasilkan karya-karya yang baik. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 965), **lumpuh** bermaksud tidak

kuat atau tidak bertenaga (kaki atau bahagian-bahagian lain tubuh) dan lumpuh juga dikaitkan tidak bergerak. Perkataan **lumpuh** dalam novel ini membawa makna bahawa sesetengah masyarakat sudah tidak berminat atau suka terhadap sesuatu karya yang memerlukan masyarakat untuk berfikir. Walau bagaimanapun, penulis yang bernama Mustafa tetap menulis dan menghasilkan novel-novel sastera yang tinggi pemikirannya tanpa memikirkan karya yang dihasilkan olehnya akan disukai ataupun tidak oleh masyarakat.

Tubuh badan kaki Mustafa telah ditumbuhi **akar-akar** yang berselirat dengan ratusan reranting kecil yang membelit di mana-mana. Mustafa dan meja tempatnya menulis tidak henti-henti itu bertukar menjadi rumpunan akar kayu yang berselirat membelit sana sini.

(S.M Zakir, 2020: 51)

Seterusnya prinsip kajian terhadap makna dan semantik berdasarkan petikan dalam novel tersebut dapat dilihat melalui penggunaan ayat *akar-akar yang berselirat dengan ratusan reranting kecil yang membelit di mana-mana*. Jika dilihat makna perkataan 'akar' ialah bahagian tumbuh-tumbuhan yang biasanya tumbuh ke dalam tanah. Ia juga boleh dikaitkan dengan jenis akar yang tumbuh di atas permukaan tanah. Namun dalam novel ini, perkataan **akar-akar** bukan bermaksud tumbuhan semula jadi tetapi 'akar-akar' dalam novel ini menggambarkan tentang keadaan watak iaitu Mustafa yang tidak terurus sehingga biliknya berdebu kerana sibuk menulis dalam bilik dan lama tidak keluar dari bilik. Dek kerana beliau terlalu khusyuk dalam dunianya sendiri, **akar-akar** tersebut berselirat tanpa dipedulikannya. Keadaan realiti bilik beliau yang bersepah dan berhabuk itu memperlihatkan keadaan sebenar Mustafa apabila fokus beliau adalah kepada binaan novelnya sehingga menyebabkan dirinya menjadi tidak terurus.

Berdasarkan contoh petikan yang dinyatakan, dapat dilihat watak Mustafa seorang yang komited terhadap kerjanya sebagai penulis. Hal ini dapat dibuktikan melalui gaya pemikiran dan gaya bahasanya yang mempunyai seni. Penggunaan bahasa yang indah dapat memberikan makna yang tersirat dan bagaimana watak Mustafa menjalani kehidupan hariannya. Komitmen yang ditunjukkan bukan sahaja melalui waktu yang dihabiskan untuk menulis, tetapi juga melalui fokus dan ketekunan dalam menghadapi cabaran telah dicorakkan dengan baik oleh penulis. Watak Mustafa sebagai seorang penulis secara tidak langsung telah mempengaruhi kehidupannya. Keadaan ini dapat dilihat melalui penggunaan estetika bahasa dan kegigihan, ketekunan serta dedikasi Mustafa untuk menyampaikan sesuatu makna melalui karya yang dihasilkannya. Beliau turut memberikan mesej yang kuat kepada pembaca tentang nilai kerja keras dan usaha berterusan dalam mencapai cita-cita.

Prinsip Penilaian Pembentukan Struktur Ayat

Prinsip ini digunakan untuk melihat susunan ayat dari sudut panjang dan pendek sesuatu ayat. Oleh itu, pembinaan panjang dan pendek ayat perlulah sesuai dengan suasana mengikut peristiwa yang berlaku. Penekanan prinsip lebih menekankan aspek deviasi yang digunakan untuk menimbulkan gaya yang berkesan. Penggunaan prinsip pembentukan ayat atau struktur sintaksis yang digunakan oleh penulis dalam novel bertujuan untuk menimbulkan kesan stilistik terhadap novelnya. Prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis dalam contoh pertama dapat dilihat melalui petikan berikut:

Waktu ini tentunya mereka di pejabat, **kerana** hari ini hari bekerja.

(S.M. Zakir, 2020: 43)

Berdasarkan petikan pada frasa yang terakhir memperlihatkan jenis keterangan musabab melalui kehadiran kata hubung **kerana** yang hadir di hadapan ayat. Ayat keterangan berfungsi untuk memberikan huraian lebih lanjut kepada kata kerja ayat induk. Jadi dapat difahami bahawa kata hubung biasanya akan hadir selepas penggunaan kata kerja. Berdasarkan contoh petikan tersebut kehadiran kata hubung hadir dalam ayat jelas menunjukkan tidak melanggar peraturan tatabahasa. Kehadiran kata hubung **kerana** jelas menunjukkan unsur pendevasian yang bertujuan untuk menyampaikan maksud ayat dengan lebih berkesan. Tujuan pendevasian merupakan sesuatu unsur penekanan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis iaitu masyarakat yang sibuk bekerja. Berikut menunjukkan struktur ayat yang pendek dalam bentuk ayat tanya.

“Di mana biliknya?”

“**Di atas**”

(S.M. Zakir,2020:49)

Merujuk contoh petikan kedua, prinsip ketiga dapat dilihat melalui petikan ayat daripada novel tersebut yang diciptakan kerana struktur ayat yang pendek. Tujuan prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur untuk memberi kesan atau dampak kepada khalayak menggunakan pendevasian ayat dan berdasarkan kepanjangan atau kependekan ayat yang telah dihasilkan. Menerusi contoh ayat yang berbunyi “**Di atas**”, walaupun ayat tersebut merupakan sebuah pembentukan ayat yang pendek tetapi ia sudah menunjukkan sebuah jawapan. Ayat “**Di atas**” adalah salah satu unsur kesopanan dan ketepatan yang cuba disampaikan oleh penulis berdasarkan petikan tersebut. Perkara ini dapat menghasilkan sebuah karya yang lebih berkesan dan disukai oleh pembaca disamping menampilkan watak Mustafa yang bersikap acuh tak acuh itu. Hal ini dapat dilihat lagi dalam petikan di bawah,

Dan kehidupan mula wujud satu persatu sehingga tumbuh pokok-pokok, mergastua **dan** haiwan-haiwan.

(SM. Zakir,2020:59)

Petikan novel tersebut menunjukkan penggunaan perkataan **dan** di awal ayat dan di tengah ayat. Perkataan **dan** telah digunakan dua kali dalam satu baris menjadikan binaan ayat berirama serta memberikan impak yang lebih kepada maksud yang ingin disampaikan oleh penulis melalui novel ini. Penggunaan perkataan **dan** menjelaskan bahawa watak utama ‘dia’ kembali alam nyata yang berwarna warni serta tumbuh-tumbuhan dan haiwan setelah tersedar daripada imajinasinya menggambarkan alam berwarna hitam. Oleh itu, maksud petikan novel tersebut ialah watak utama ‘dia’ memikirkan gadis yang serba hitam sehingga membayangkan alam menjadi hitam putih dalam fikirannya.

Rumahnya memang juga adalah sebuah studio dan di sinilah dia bekerja, membuat aturhuruf dan rekabentuk buku atau majalah atau apa sahaja yang berada dalam skop aturhuruf, grafik dan rekabentuk berkomputer.

(S.M. Zakir, 2020:5)

Merujuk kepada petikan novel di atas terdapat penggunaan struktur ayat yang panjang. Sebanyak tiga puluh patah perkataan dalam petikan ayat novel di atas. Petikan pada halaman tersebut menjelaskan tentang kehadiran struktur ayat-ayat yang panjang dalam karya novel yang dihasilkan oleh penulis. Penggunaan struktur ayat yang panjang seperti ini menunjukkan gaya penulisan S.M. Zakir yang berani dan bijak bermain dengan kata-kata dalam menghasilkan ayat dalam novel *Rumah Kupu-Kupu* yang berstruktur panjang. Struktur ayat yang panjang ini tidak hanya memberikan kedalaman kepada penceritaan, tetapi juga memperlihatkan kemampuan penulis dalam mencipta kelancaran aliran idea, yang menjadikan setiap perenggan lebih kaya dengan makna dan emosi.

Secara tidak langsung, prinsip ini menggambarkan bahawa watak Mustafa seorang yang dapat menghasilkan mesej yang jelas dan tepat dengan menganalisis susunan kata dan klausa, kita dapat mengenal pasti kekuatan dalam cara ayat itu dibina. Selajutnya Mustafa juga menyesuaikan gaya bahasa mengikut konteks dan tujuan tertentu dalam penceritaan atau memberi gambaran terhadap sesuatu. Penggunaan tatabahasa, pemilihan perkataan yang tepat, serta pembinaan ayat yang lebih kompleks dan teratur yang digunakan oleh watak Mustafa berkait dengan perkerjaannya sebagai seorang penulis.

Prinsip Penelitian Kepada Unsur-Unsur Bahasa Dramatik.

Dramatik bermaksud mempunyai gaya yang bersesuaian bagi drama. Ciri dramatik ialah percakapan penuh atau sempurna yang dapat memberikan kesan kepada jiwa seperti suka, sedih, marah dan lain-lain. Eksploitasi bahasa melalui aspek pengaplikasian unsur dramatik turut memberikan kesan terhadap gaya bahasa serta keindahan dalam novel. Mengikut Khayrin Kamalia Ramle dan Zubir Idris (2023), gaya bahasa merupakan nadi kepada sesebuah karya sastera. Penggunaan gaya bahasa dalam sesebuah karya sastera dapat menghasilkan satu karya sastera yang baik dari segi pemikiran dan daya tarikan karya sastera untuk mengekalkan minat khalayak pembacanya. Mohd Faradi & Nordiana Ab. Jabar (2021:79) berpendapat kepelbagaian gaya bahasa yang digunakan untuk memindahkan fikiran penulis ke media karya sastera dengan berpaksikan identiti tersendiri bukan sahaja menjadikan bidang sastera divariasikan dengan gaya dan olahan cerita, malah setiap penulis mempunyai daya kreativiti tersendiri dalam menghasilkan karya masing-masing. Susunan diksi, pemilihan kata, kesesuaian bunyi, keindahan irama yang seimbang dan santai mampu membuatkan gagasan idea yang ingin disampaikan kelihatan sangat menarik. Antara unsur-unsur tersebut ialah simile, personifikasi dan sebagainya. Stilistik melihat unsur yang banyak digunakan dan sesuai dengan karya kemudian bagaimana unsur tersebut dapat dimasukkan dalam karya. Kekuatan dan keindahan sebuah karya bergantung kepada eksploitasi bahasa termasuk penggunaan unsur-unsur dramatik. Penggunaan bahasa dramatik dapat dilihat berdasarkan petikan dalam novel *Rumah Kupu-Kupu* seperti di bawah:

Angin dingin yang **lembut melambai** dari kekisi beranda

(S.M Zakir, 2020:15)

Penerapan prinsip penelitian terhadap unsur dramatik terdapat pada petikan di atas. Terdapat penggunaan unsur personifikasi dalam karya novel tersebut. Personifikasi merujuk kepada unsur pengorang yang terdapat juga dalam gaya bahasa iaitu memberikan sesuatu keadaan, suasana dan benda kepada sifat manusia. Bersesuaian dengan pandangan Dewi Oktaviani dan Sukardi (2024:2195), personifikasi ialah kata-kata yang diucapkan oleh seseorang diberi sifat atau kemampuan manusiawi. Dalam petikan novel di atas penulis memperlihatkan unsur personifikasi yang ketara. Perbuatan melambai lazimnya merujuk kepada perbuatan manusia itu

digandingkan angin dan angin bukan sifat manusia tetapi merujuk kepada suasana alam. Berdasarkan penerangan tersebut, jelas novel ini ada menerapkan unsur personifikasi kerana termasuk kepada penggunaan bahasa dramatik. Penerapan unsur ini dapat menjadikan karya novel yang dihasilkan menarik kerana meluaskan imaginasi pembaca untuk mengaitkan sifat manusia dengan unsur alam.

Seterusnya, contoh petikan di bawah yang memberi gambaran tentang bangunan seperti rumah kediaman dan pejabat.

Semua bangunan yang berceracak tinggi baik kediaman ataupun pejabat **seperti raksasa** yang mengatur dan menguasai seluruh kehidupan manusia hari.

(S.M Zakir, 2020:87)

Gaya bahasa yang dramatik juga dapat dilihat melalui petikan ini. Terdapat unsur simile yang digambarkan oleh penulis dalam ayat tersebut. Simile bermaksud sesuatu kiasan yang membandingkan dua benda berbeza tapi ada persamaan. Dalam simile penggunaan bak, umpama, seperti, bagai dan laksana turut digunakan. Penggunaan perkataan seperti memberi makna bahawa penulis ibaratkan bangunan-bangunan tinggi yang sedia ibarat raksasa yang mengatur kehidupan manusia. Penggunaan raksasa sebagai perbandingan kerana bangunan-bangunan yang dibina tinggi atau besar seperti raksasa yang menguasai kehidupan dan banyak berbanding manusia.

Contoh selanjutnya,

Mata itu berwarna biru **laksana zamrud**.

(S.M Zakir,2020:117)

Berdasarkan petikan di atas penggunaan gaya bahasa perbandingan seperti **laksana** menyebabkan petikan di atas menjadi indah. Petikan tersebut membawa maksud tentang kecantikan seseorang yang digambarkan melalui keindahan mata sehingga menggambarkan keindahan mata tersebut dengan batu zamrud yang berwarna biru. Perbandingan tersebut sangat sesuai digunakan oleh penulis untuk menggambarkan sesuatu yang cantik kerana batu zamrud merupakan sejenis batu yang telah wujud pada zaman Mesir dan memiliki warna yang sangat cantik serta dianggap batu mulia dan dijual dengan harga yang mahal.

Selain itu, terdapat juga penggunaan ayat hiperbola dalam novel ini. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah,

Air **mengguyur jatuh memberikan iramanya** yang tersendiri.

(S.M Zakir, 2020:147)

Petikan di atas mempunyai unsur dramatik melalui penggunaan unsur hiperbola yang ada dalam karya novel tersebut. Hiperbola ialah sesuatu pernyataan dibuat secara berlebih-lebihan untuk menekankan sesuatu idea atau peristiwa. Petikan novel di atas menunjukkan penulis menggunakan unsur hiperbola dengan jelas. Perkataan 'iramanya' atau asalnya 'irama' dikaitkan dengan ukuran masa atau tempo seperti lagu tetapi perkataan 'iramanya' dalam petikan tersebut dikaitkan dengan bunyi hujan. Penulis menggunakan perkataan 'iramanya' untuk menggambarkan hujan memiliki bunyi yang tersendiri dan merdu. Berdasarkan penerangan tersebut, novel ini menggunakan unsur hiperbola sebagai satu cara untuk menyatakan keindahan bahasa dan termasuk sebagai penggunaan bahasa dramatik. Unsur

hiperbola akan menjadikan sesuatu peristiwa dalam karya bertambah menarik dan disukai oleh pembaca kerana adanya unsur dramatik yang mengasyikkan ketika membaca novel.

Prinsip ini juga dapat dikaitkan dengan watak dan perwatakan Mustafa yang dilihat mempunyai daya imaginasi yang tinggi dalam menggambarkan sesuatu perkara. Imaginasi ialah sesuatu daya khayal atau kebolehan seseorang individu menggambarkan sesuatu angan-angan atau mencipta sesuatu khayalan menggunakan minda kreatif. Berdasarkan watak dan perwatakan Mustafa, selain seorang yang bijak bermain kata, sebagai penulis Mustafa juga bijak mengimajinasikan atau membayangkan sesuatu perkara dalam fikirannya kemudian mengaplikasikannya dalam kehidupannya. Prinsip ini juga telah menunjukkan bagaimana karakter Mustafa menonjolkan tentang perasaan serta fikirannya berdasarkan penggunaan metafora, simbolisme atau perbandingan yang kemudiannya menghasilkan unsur estetika.

KESIMPULAN

Kajian ini menganalisis novel *Rumah Kupu-Kupu* menggunakan prinsip stilistik J.J. Webber, iaitu, prinsip kajian makna atau semantik, prinsip penilaian pembentukan struktur ayat dan prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik Ketiga-tiga prinsip ini didapati terkandung dalam novel *Rumah Kupu-Kupu* karya S.M. Zakir dan sesuai dilihat dari sudut bidang sastera. Kehadiran ketiga-tiga prinsip stilistik ini berjaya memberi kesan keindahan serta keberkesanan terhadap mesej yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca sesuai dengan takrif karya sastera selain indah tetapi bermanfaat kepada semua masyarakat. Selain itu, S.M. Zakir mempunyai kepekaan terhadap isu-isu semasa yang berlaku dalam negara atau luar negara dan menjadikan perkara tersebut sebagai buah idea untuk menghasilkan sesuatu karya. Gaya bahasa atau keindahan bahasa adalah perkara yang sangat penting bagi penulis agar karya yang dihasilkan berkualiti tinggi dan memberi pengaruh yang baik kepada pembaca. Justeru, novel *Rumah Kupu-Kupu* adalah sebuah karya sastera yang tinggi nilainya dengan gaya bahasa yang indah dan gaya penulis itu sendiri dapat dilihat dengan lebih jelas melalui prinsip stilistik J.J. Webber yang telah dianjurkan. Tuntasnya, novel *Rumah Kupu-Kupu* karya S.M. Zakir merupakan sebuah karya sastera yang penuh dengan gaya bahasa dan estetik yang tersendiri telah dapat menimbulkan keindahan dan mampu menarik perhatian dan menyampaikan mesej yang jelas kepada pembaca.

RUJUKAN

- Antilan Purba. 2009. *Stilistika Sastera Indonesia: Kaji Bahasa Karya Sastera*. Medan: USU Press.
- Akbar Amran. 2023. Analisis Gaya Bahasa Puisi Dalam Lagu Tradisional Bongai Dodoi Anak. *Jurnal Tuah*, 4(1), 198 - 207.
- Crystal, D.1985. *A dictionary of linguistics and phonetics*. Great Britain: Cornwall Press Ltd.
- Dewi Oktaviani & Sukardi. 2024. Gaya Bahasa Perbandingan dalam Lirik Lagu Album Tutur Batin Karya Yura Yunita. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa dan Sastra*, 10(2), 2190- 2200
- Farhana Muslim Mohd Jalis, Syasya Afifah Jusni & Salmah Jan Noor Muhammad. 2023. Perbandingan Unsur Patriotik dan Gaya Bahasa antara Lirik Lagu Lili Marleen dan Perwira. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11(3), 95-108.

- Ubaidillah. 2023. *Teori-Teori Linguistik*. Yogyakarta: Prodi Sastra Inggris Fakultas Adab dan Ilmu Budaya UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Umar Junus. 1989. *Stilistik satu pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umaimah Binti Kamarulzaman, Rozaimah Binti Rashidin, Nurul Afnieza Binti Md Zain & Zuraidah Binti Jantan. 2023. Pola Bahasa Kemurungan Di Media Sosial: Analisis Korpus Linguistik. *Jurnal Melayu*, 22(2), 84-97.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Zulkarnain Mohamed. 2020. *Watak dan Perwatakan dalam Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jean. J Webber. 1989. *The stylistics reader*. United State: Routledge.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Istilah Sastra*. 1990. Jakarta: UI Press.
- Khayrin Kamalia Ramle & Zubir Idris. 2023. Analisis Gaya Bahasa Perbandingan Dalam Syair Awang Semaun. *Jurnal Melayu Isu Khas 2023*, 33-45.
- Keris Mas. 1988. *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 1998. *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Selangor: Fajar Bakti
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. 2018. Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Journal of Kesidang*, (3), 106-121.
- Mohd Affandi Hassan. 2021. *Teori-Teori Sastera Barat dalam Tangan Sarjana Malaysia*. Bangi: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab. Jabar. 2021. Gaya Bahasa dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesia (Afrizal Malna). *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 4(1), 75-90.
- Nur Madihah Aqish Muhammad Fadzli. 2020. Resensi Buku: *Rumah Kupu-Kupu* Oleh S.M. Zakir. <https://www.jejaktarbiah.com/resensi-buku-rumah-kupu-kupu-oleh-sm-zakir/> [1November 2021]
- Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim. 2023. Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber 1989 dalam Novel Pantai karya Azmah Nordin. *PENDETA* 14, (1), 88-113.
- S.M. Zakir. 2020. *Rumah Kupu-Kupu*. Kuala Lumpur: Nusa Center.
- Zahiril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan, Noriah binti Mohamed & Mohd Najib Abdul Rahim. 2020. Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu*, 19 (1), 54-74.

Makalah ini adalah hasil daripada kertas kerja yang pernah dibentangkan dalam Kolokium Siswazah Bitara Melayu (KOSIMA), bertempat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 6 November 2024.

Biodata Penulis:

Nik Nurul Najaa Binti Mohd Yasin berasal dari Pasir Mas, Kelantan dan mempunyai kelulusan Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Pesuratan Melayu) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor pada tahun 2020. Kini, beliau sedang meneruskan pengajian diperingkat Sarjana Sastera Kesusasteraan Melayu di universiti yang sama.

Mas Rynna Wati Ahmad (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian, Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sastera Bandingan dan Teori, kritikan sastera.